

14/06/1999

## ASN2 gembleng modal Bumiputera

AMANAH Saham Nasional 2 (ASN2) iaitu saham amanah kelima yang diuruskan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad pada 9 Jun lalu, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), anak syarikat milik penuh PNB akan menguruskan Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) yang telahpun diniagakan bermula 10 Jun 1999 yang lalu. Urus niaga dilakukan di kaunter utama ibu pejabat ASNB, di Kuala Lumpur, di pejabat cawangan ASNB dan semua cawangan Kumpulan Maybank di seluruh negara.

Penubuhan ASN2 adalah sejajar matlamat kerajaan iaitu untuk meningkatkan penggemblengan modal Bumiputera khususnya dan menyumbang ke arah pertumbuhan serta kemakmuran negara untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia dan ke arah pencapaian objektif Dasar Pembangunan Baru.

ASN2 juga diwujudkan bagi mencipta ruang yang lebih kepada pengurus dana untuk mengambil kesempatan ini bagi melabur di dalam saham menarik yang dipasar pada harga yang berpatutan.

PNB turut menyediakan kemudahan kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk turut sama melabur. Orang ramai yang berminat untuk menggunakan wang KWSP mereka untuk melabur dalam ASN2 boleh berbuat demikian. Mereka hanya perlu menghubungi pihak KWSP dan mematuhi syarat yang dikenakan oleh KWSP untuk turut sama melabur dalam ASN2.

Sebagai permulaan urus niaga, unit ASN2 ditawarkan pada harga RM1 seunit dalam tempoh tawaran iaitu dari 10 Jun hingga 31 Disember 1999. Bagi pelabur yang melabur dalam ASN2 dalam tempoh tawaran bermula 10 Jun 1999 sehingga 30 September 1999 pula, akan memperolehi unit tambahan sebanyak 20 unit apabila pelabur membeli 1,000 unit.

Bagi tujuan menampung pelbagai kos pengurusan, yuran perkhidmatan tidak melebihi 10 peratus daripada nilai aset bersih (NAB) akan dcajkan kepada pelabur ketika mereka membeli unit yang ditawarkan.

Sepanjang tempoh tawaran, pelabur tidak dibenarkan untuk menjual atau menebus pelaburan mereka. Penjualan balik minimum adalah sebanyak 100 unit dan baki minimum dalam buku hendaklah tidak kurang daripada 1,000 unit ataupun pelabur perlu menjual balik baki keseluruhan unit yang ada.

Perkhidmatan penjualan balik unit saham ASN2 adalah percuma. Bagaimanapun, bagi pelabur yang menggunakan wang caruman KWSP akan dikenakan caj sebanyak 0.25 peratus iaitu caj yang dikenakan KWSP.

Pelabur ASN2 akan diberi buku pelaburan, manakala pencarum KWSP akan diberi penyata pelaburan setiap enam bulan sekali. Pelabur ASN2 layak menerima skim khairat sama seperti Skim ASN, ASB dan ASW 2020.

PNB dengan iltizamnya menjadi sebuah organisasi pelaburan setaraf dunia, unggul dan berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada pelaburnya.

Kini tibalah masa untuk seluruh rakyat Malaysia pula, memainkan peranannya untuk bersama-sama berganding bahu membina semula kekuatan ekonomi negara melalui pelaburan. Kejayaan PNB kejayaan kita bersama.

(END)